

**Pelajar UPM Bolot Empat Emas Pertandingan Teknologi Makanan***Pelajar FSTM bergambar bersama pensyarah fakulti selepas pertandingan tersebut.*

KOTA KINABALU, 16 Feb – Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membolot empat daripada lima pingat emas yang dipertandingkan pada 6th Food Science and Technology Seminar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Pensyarah Jabatan Teknologi Makanan FSTM, Prof. Madya Dr. Tan Chin Ping berkata 30 pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM) UPM memenangi tujuh pingat keseluruhan iaitu empat pingat emas, dua pingat perak dan satu gangsa melalui penyertaan produk makanan dalam lima kategori.

"UPM turut membawa pulang piala pusingan bagi kategori Innovative Food Product Development yang disimpan di Fakulti Sains dan Teknologi Makanan selama dua tahun.

"Lima kategori yang dipertandingkan ialah Food Quiz Bowl, Innovative Food Product Development, Oratory, Poster dan Persembahan Lisan," katanya.

Sehubungan itu empat pelajar pra siswazah yang memenangi pingat emas iaitu Kimberly Kueh Li-Tchin, Liew Kai Wen, Law Se Vern dan Sew Chang Chew bagi kategori Food Quiz Bowl akan mewakili Malaysia ke 11th ASEAN Food Conference di Brunei pada 21-23 Oktober 2009.

Sebanyak enam Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan program bidang sains dan teknologi makanan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai pertandingan tersebut.

6th Food Science and Technology Seminar merupakan acara dwi tahunan yang dikelolakan oleh Malaysian Institute Food Technology (MIFT) dan dianjurkan oleh salah sebuah IPTA yang menawarkan bidang pengajian sains dan teknologi makanan.

MIFT merupakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan profesional terdiri daripada food technologist, saintis, ahli akademik terlibat secara langsung dalam bidang Sains dan Teknologi Makanan di Malaysia.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia